

# سینئر روایتی *Sinar* **Rohani** *Pembimbing Ummah*



جائتہن کما جوائن اسلام ملیسیا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**Bil 1/2023**

## **RAMADAN, PEMBEBASAN DARIPADA API NERAKA**

- ❖ **PERSPEKTIF**  
Golongan Tidak Cium Bau Syurga
- ❖ **GLOBAL**  
Gambaran Ngerinya Neraka
- ❖ **FIKRAH**  
Ramadan Pembebasan Daripada Api Neraka
- ❖ **FOKUS**  
Azab Kubur Sebelum Azab Neraka
- ❖ **TURATH**  
Cerita Neraka Dari Al-Quran Dan Hadis
- ❖ **TAZKIRAH**  
Sibukkan Diri Dengan Al-Quran Dalam Bulan Ramadan
- ❖ **DAKWAH**  
Disangka Syahid, Rupanya...
- ❖ **ANEKDOT**  
Batu Dari Neraka
- ❖ **MIMBAR**  
Khutbah: Suapan Neraka
- ❖ **INSPIRASI**  
10 Amalan Dijauhi Neraka

**PERCUMA**

ISSN 1511-1903



9 771511 190108

# Selimut Putih



Munif Hijjaz ft. Ust. Faizan

Bila Izroil datang memanggil  
 Jasa terujur di pembaringan  
 Bila Izroil datang memanggil  
 Jasa terbujur di pembaringan  
 Seluruh tubuh akan menggigil  
 Sekujur badan kan kedinginan  
 Seluruh tubuh akan menggigil  
 Sekujur badan kan kedinginan

Tiada lagi gunanya harta  
 Kawan karib sanak saudara  
 Tiada lagi gunanya harta  
 Kawan karib sanak saudara  
 Jikalau ada amal di dunia  
 Itulah hanya pembela kita  
 Jikalau ada amal di dunia  
 Itulah hanya pembela kita

Bila Izroil datang memanggil  
 Jasad terbujur di pembaringan  
 Bila Izroil datang memanggil  
 Jasad terbujur di pembaringan  
 Seluruh tubuh akan menggigil  
 Sekujur badan kan kedinginan  
 Seluruh tubuh akan menggigil  
 Sekujur badan kan kedinginan

Janganlah mau di sanjung sanjung  
 Engkau di gelar manusia agung  
 Janganlah mau di sanjung sanjung  
 Engkau di gelar manusia agung  
 Sedarlah diri tahu di untung  
 Sebelum masa keranda di usung  
 Sedarlah diri tahu di untung  
 Sebelum masa keranda di usung

Datang masanya insafiah diri  
 Selimut putih pembalut badan  
 Datang masanya insafiah diri  
 Selimut putih pembalut badan  
 Tinggal semua yang di kasihi  
 Berjuanglah hidup sepanjang zaman  
 Tinggal semua yang di kasihi  
 Berjuanglah hidup sepanjang zaman



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Sinar Rohani diterbitkan secara dalam talian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

# Sidang Redaksi



## **PENAUNG**

Datuk Hajah Hakimah Binti  
Mohd Yusoff  
(Ketua Pengarah JAKIM)



## **PENASIHAT**

Haji Ruslan Bin Said  
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))



## **KETUA PENGARANG**

Azman Bin Mat Hassan



## **PENGARANG**

Mohd Meeftah Bin Anuar



## **PENOLONG PENGARANG**

Nur Madidah Binti Rakes Junaidi



## **PENYUNTING**

Mohamad Zahir Bin Abdul Halim



## **PENGURUS EDARAN**

Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan



## **PEMBANTU EDARAN**

Husna Salsabila Binti Mohd Al'Ikhsan



Nurain Atiqah Binti Mohd Hazim

## **REKABENTUK**

Percetakan Norfatimah Sdn. Bhd

# Kandungan

- 2 SAJAK**  
Selimut Putih
- 3 SIDANG REDAKSI**
- 4 LAMAN PENGARANG**  
Neraka, Kuatkah Kita?
- 5 PERSPEKTIF**  
Gologan Tidak Cium Bau Syurga
- 8 GLOBAL**  
Gambaran Ngerinya Neraka
- 10 FIKRAH**  
Ramadan Pembebasan Daripada Api Neraka
- 12 FOKUS**  
Azab Kubur Sebelum Azab Neraka
- 15 TURATH**  
Cerita Neraka Dari Al-Quran dan Hadis
- 18 TAKZIRAH**  
Sibukkan diri dengan Al-Quran dalam Bulan Ramadan
- 20 DAKWAH**  
Disangka Syahid, Rupanya...
- 22 ANEKDOT**  
Batu Dari Neraka
- 23 SEMASA**  
Pemberi dan Penerima Rasuah Di Neraka
- 25 INFO**  
Kesihatan dan Ramadan
- 27 MIMBAR**  
KHUTBAH : Suapan Neraka
- 35 INSPIRASI**  
10 Amalan Dijauhi Neraka

# NERAKA, KUATKAH KITA?



*Anotasi  
Pengarang*

*Ustaz Haji Mohd Meeftah bin Haji Anuar*

**M**ALAIKAT penjaga neraka dikenali dengan nama Zabaniyah. Sifat malaikat yang sangat kasar, keras dan tiada langsung belas kesihan.

Allah SWT berfirman dalam Surah Al- 'Alaq, ayat 16-17 yang bermaksud: "Kemudian biarlah ia memanggil kumpulannya (untuk menyelamatkannya). Kami pula akan memanggil malaikat Zabaniyah (untuk menyeksanya)!"

Sebenarnya baki usia kita yang masih berbaki ini adalah untuk memperkemas diri kita dengan melakukan amalan ahli syurga.

Setiap orang beriman seharusnya amat bimbang dan sangat takut melakukan dosa dan kemaksiatan khususnya apabila kita mentadabbur ayat-ayat al-Quran berkaitan ancaman daripada Allah SWT.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala), neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."

(Surah At-Tahriim, ayat 6)

Penghuni neraka kelak, tidak akan mati walaupun tubuh badan mereka sentiasa dibakar, dicincang, dipotong atau dimusnahkan.

Dalam Surah Al-Furqan, ayat 65-66 yang bermaksud: Dan juga mereka yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, sisihkanlah azab neraka jahanam daripada kami, sesungguhnya azab seksanya itu adalah mengerikan. Sesungguhnya neraka jahanam itu tempat penetapan dan tempat tinggal yang amat buruk."

Nabi Muhammad SAW pernah menyampaikan perihal kedalaman api neraka.

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, "Kami pernah bersama Nabi SAW, tiba-tiba beliau mendengar seperti suara benda jatuh ke dasar.

"Nabi SAW bertanya, 'Tahukah kalian suara apa itu?' Kami menjawab, 'Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui.'"

Baginda bersabda yang bermaksud: 'Itu adalah suara batu yang dilemparkan ke neraka sejak 70 tahun yang lalu dan sekarang baru sampai ke dasarnya.'

(Hadis Riwayat Muslim)

Hadis sahih itu menggambarkan betapa besar dan dalamnya neraka.

Bayangkan, golongan yang mendapat seringan-riangan seksaan di dalam api neraka kelak adalah seorang lelaki yang diberi pakai kasut atau selipar daripada api neraka.

Sebaik sahaja diletakkan kakinya di atas selipar itu, maka akan terbakar dan menggelegaklah otaknya.

Ketika itu, dia merasakan seolah olah dialah yang mendapat azab neraka paling pedih, sedangkan itulah seringan-riangan azab di dalam neraka.

Marilah kita semua memanjatkan doa dengan penuh pengharapan supaya Allah SWT selamatkan diri kita dan ahli keluarga kita daripada menjadi bakaran api neraka Allah SWT.

Sesungguhnya, tiada manusia yang mampu menahan azab neraka. Semua sisi di dalam neraka itu api yang sangat luar biasa kepanasannya sehingga membuatkan seluruh penghuninya tidak mampu lari.

Ibn Mas'ud menyatakan, Rasulullah SAW mengajarkan satu doa. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Jika seorang kamu bertasyahud, maka hendaklah dia memohon perlindungan kepada Allah daripada empat perkara iaitu "Allahumma inni a'uuzubika min 'azaabi jahannama, wamin 'azabil qabr, wamin fitnatil mahya wal mamaaat, wamin syarri fitnatil masih al-Dajjal."

(Riwayat Muslim)

Semoga Allah SWT pelihara kita semua dari azab kubur, azan neraka dan segala bentuk azab didunia dan akhirat. Allahumma amin.

# 5 GOLONGAN YANG TIDAK DAPAT MENCIUM BAU SYURGA



Dr. Khairul Anuwar Mustaffa  
Pensyarah Kanan  
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam

## Pendahuluan

Syurga adalah nikmat kurniaan Allah untuk hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh. Syurga adalah kurniaan Allah terhadap golongan yang memelihara akidah, syariah dan akhlak dengan sebaiknya. Namun begitu, terdapat golongan yang dinafikan untuk menikmati syurga apatah lagi mendapat baunya. Hakikat inilah yang disebut oleh Rasulullah SAW dalam banyak hadis yang menyatakan perkara tersebut.

Mungkin pada asasnya ia seolah-olah memberi suatu gambaran tentang kemurkaan Allah SWT terhadap sikap dan perangai buruk yang dilakukan oleh seseorang. Malah, ia juga dilihat sebagai peringatan supaya dijauhi perkara atau sifat yang menyebabkan terjadinya keadaan tersebut. Di sini diuraikan contoh lima golongan yang tidak dapat menghidu bau syurga.

## Golongan Yang Tidak Dapat Mencium Bau Syurga

### 1. Takabbur (Bongkak dan Sombong)

Bongkak dan sombong dikaitkan dengan sikap menafikan hakikat kebenaran lantas angkuh dan sombong serta menafikan orang lain. Sikap ini boleh dikaitkan dengan *takabbur* yang merupakan sifat keji yang ditegah. Dalam suatu Hadis, Rasulullah SAW pernah menyebut:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ

Tidak akan masuk ke dalam syurga seseorang yang di dalam hatinya ada setitik kesombongan.  
(HR. Muslim)

Maka sewajarnya dijauhi sifat atau sikap seperti ini kerana ia bukan sahaja mengundang kemurkaan Allah, malah mengancam kehidupan sesama insan dan keharmonian hidup dalam masyarakat dan negara.

### 2. Niat Salah dalam Menuntut Ilmu

Menuntut ilmu adalah tugas mulia dan dipandang tinggi. Ia adalah ibadah yang perlu dilaksanakan dengan niat yang jelas. Kesungguhan, ketekunan dan kegigihan menuntut ilmu hendaklah disemai dengan niat ikhlas untuk diraih keberkatan. Rasulullah SAW memberi peringatan tentang pentingnya niat dalam menuntut ilmu sebagaimana sabda Baginda SAW:

مَنْ تَعَلَّمَ عِلْمًا مِمَّا يُبْتَغَى بِهِ وَجْهُ اللَّهِ لَا يَتَعَلَّمُهُ إِلَّا لِيُصِيبَ بِهِ عَرَضًا مِنَ الدُّنْيَا لَمْ يَجِدْ عَرْفَ الْجَنَّةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَعْنِي رِيحَهَا

Barangsiapa menuntut ilmu yang seharusnya untuk Allah, namun ia tidak menuntutnya kecuali untuk mencari dunia, maka pada hari kiamat ia tidak akan mendapatkan bau surga.  
(HR. Ibnu Majah)

Hadis ini jelas menyatakan keperluan sifat ikhlas dalam menyemai kesungguhan dalam menuntut ilmu. Niatlah untuk beribadat bagi memastikan ilmu dapat mendekatkan diri kepada-Nya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai khalifah di atas muka bumi ini dengan baik dan sempurna.

### 3. Berpakaian Tetapi Bertelanjang

Berpakaian tetapi bertelanjang adalah gambaran mereka yang berpakaian dengan tidak sempurna. Sungguhpun pemakainya menutup aurat, namun pakaiannya itu masih menampakkan susuk badannya. Contohnya berpakaian seksi. Perkara ini pernah diberi peringatan oleh Rasulullah SAW sebagaimana sabdanya yang bermaksud:

*Dua golongan penghuni neraka yang belum pernah aku lihat; kaum membawa cambuk seperti ekor sapi, dengannya ia memukuli orang dan wanita-wanita yang berpakaian (tetapi) telanjang, mereka berlenggak-lenggok dan condong (dari ketaatan), rambut mereka seperti punuk unta yang miring, mereka tidak masuk surga dan tidak akan mencium baunya, padahal sesungguhnya bau surga itu tercium dari perjalanan sejauh ini dan ini.*

(HR. Muslim)

Di samping itu, di dalam hadis yang lain Nabi SAW turut menjelaskan perkara tersebut seperti berikut:

*Perempuan yang memakai baju tetetapi telanjang, dan dia memandang lelaki lain dan membuatkan lelaki-lelaki lain terpedang kepadanya, maka perempuan ini tidak akan cium bau surga. Sedangkan bau surga sudah pun boleh dibau dari jarak 500 tahun perjalanan.*

(HR. Bukhari dan Muslim)

Perkataan 'kasiyatun 'ariyat' adalah membawa maksud berpakaian tetetapi telanjang. Yang jelas, ini adalah suatu peringatan terhadap perempuan yang berpakaian ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh dan warna kulit sekalipun tertutup dengan lapisan kain.

### 4. Pemutus Hubungan Persaudaraan

Hubungan persaudaraan penting yang wajib dipelihara dengan sebaiknya khususnya dalam kalangan kaum kerabat. Hubungan persaudaraan atau *silaturahmi* adalah diambil daripada dua perkataan Arab iaitu "صلة" yang bermaksud hubungan dan "الرحم" bererti kaum kerabat yang terdekat. Pemutus *silaturahmi* adalah mereka yang memutuskan perhubungan dengan kaum kerabat yang terdekat dengan sengaja. Dalam hadis berikut jelas dinyatakan tentang golongan yang memutuskan hubungan *silaturahmi* sebagaimana sabda Baginda SAW seperti berikut:



فإنَّ ريحَ الجنَّةِ يُوجَدُ من مسيرَةِ ألفِ عامٍ واللهِ لا يجِدُها عاقٌّ ولا قاطعٌ  
رحمٍ ولا شيخٌ زانٍ ولا جارٌّ إزاره خِيلاءً

Baunya surga dapat dicium sejauh perjalanan 1000 tahun. Demi Allah tidak akan menciumnya seseorang yang mendurhaka kepada ibu bapaknya dan orang yang memutuskan tali persaudaraan, orang tua yang berzina, dan orang yang memanjangkan pakaiannya (melebihi mata kaki) kerana sombong.

(HR. At-Tabrani)

## 5. Pemimpin Khianati Amanah

Pemimpin adalah mereka yang dipertanggungjawab memikul amanah terhadap orang bawahannya ke arah kebaikan dan kesejahteraan. Pemimpin yang adil tidak akan mengkhianati amanah yang diberikan dan melaksanakan tugas kepimpinan dengan sebaiknya. Namun, pemimpin yang khianat bakal mendapat balasan buruk sehingga tidak mampu menghidu bau syurga. Hakikat ini sebagaimana disebut dalam hadis seperti berikut:

ما من عبد يسترعيه الله رعيةً، فلم يحطها بنصحه، إلا لم يجد رائحة الجنة

Mana-mana pemimpin yang dipilih oleh Allah untuk menjaga rakyatnya, tetapi tidak memberi teladan yang baik kepada mereka melainkan mereka tidak dapat mencium bau syurga.

(HR. Bukhari)

## Rumusan

Kemurkaan Allah SWT terhadap sesuatu golongan bukan hanya kerana akidah yang salah semata-mata. Sesuatu amalan dan perbuatan turut menjadi sebab kepada kemurkaan Allah SWT. Hakikat inilah yang memerlukan setiap insan berhati-hati dan berwaspada agar tidak tergolong dalam golongan yang dihalang untuk memasuki syurga dan mencium baunya.

Sehubungan dengan itu, binalah diri dengan akidah dan pegangan yang benar, beramallah sebaik mungkin perintah dan syariat-Nya dan hiasilah diri dengan kemurniaan akhlakunya. Dengan itu kita terhindar daripada golongan yang disebut oleh Rasulullah SAW di dalam hadis di atas.



# GAMBARAN NGERINYA NERAKA



*Dr. Khadijah Khalilah Abdul Rashid  
Pensyarah, Jabatan Bahasa dan Literasi  
Kulliyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Syurga itu tempat tinggal yang kekal, tetapi neraka tempat seksaan. Biar pun kedua-duanya adalah destinasi terakhir bagi setiap manusia di akhirat nanti, namun tiada siapa pun yang mengimpikan neraka. Tanya sahaja kepada si pendosa mahu pun hamba Allah yang bertakwa, syurgalah yang menjadi dambaan setiap insan. Sebagaimana keindahan syurga itu dinyatakan dalam kalamullah, begitu jugalah kengerian neraka digambarkan dalam ayat-ayat Allah.

Neraka yang menjadi tempat seksaan yang disediakan oleh Allah kepada orang kafir dan orang Islam yang melakukan dosa namun tidak bertaubat tidak dijadikan dengan sia-sia. Antara hikmah diciptakan neraka adalah bukti janji Allah kepada golongan yang mengingkari perintah-Nya selama mana dia hidup di dunia ini. Bahkan, neraka itu menjadi bukti kekuasaan Allah yang Maha Berkuasa atas apa-apa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Kelapaaan manusia daripada beriman kepada Allah dan melakukan suruhan-Nya adalah salah satu penyebab terbesar yang mengakibatkan seseorang itu mendapat seksaan di neraka nanti. Kita harus sedar bahawa hanya dengan rahmat dan kasih sayang Allah yang boleh menyelamatkan manusia daripada tergolong dalam kalangan ahli neraka. Justeru, seorang manusia itu perlu mengharap keampunan daripada Allah sebagai manifestasi rasa kehambaan dalam dirinya.

## Seburuk-Buruk Tempat Tinggal

Gambaran tentang betapa ngerinya neraka ini sudah sekian lama dinyatakan dalam ayat-ayat al-Quran. Ia bertujuan memberi kesedaran kepada manusia bahawa neraka itu adalah pasti dan bukan sekadar ugutan dan ancaman bagi orang yang meninggalkan suruhan Allah. Neraka merupakan

tempat tinggal paling buruk yang bakal dihuni oleh orang yang ingkar dengan arahan-Nya.

Allah mengingatkan manusia dalam surah al-Furqan ayat 66 yang bermaksud: "Sesungguhnya neraka Jahanam itu tempat penetapan dan tempat tinggal yang amat buruk." Peringatan ini mengkhabarkan kepada manusia bahawa Allah menyediakan satu tempat tinggal bagi golongan yang tidak beriman kepada-Nya serta tidak mahu bertaubat. Jika setiap manusia itu menghayati ayat ini dengan sepenuh penghayatan, sudah pasti tiada orang yang berani mengingkari Allah. Malangnya, masih terdapat lagi manusia yang tidak mempercayainya.

Binaan neraka itu adalah daripada api. Bahkan di dalamnya terdapat api yang marak menjulang sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah melaknat orang kafir dan menyediakan bagi mereka api neraka yang marak menjulang," (Surah al-Ahzab ayat 64). Bayangkan lilin yang hanya menyalakan sedikit api sahaja sudah terasa bahangnya, bagaimana pula dengan keadaan api yang marak menjulang?

Bukan itu sahaja, manusia turut digambarkan dengan bahan yang digunakan untuk dinyalakan api yang marak menjulang di neraka itu. Bukan sabut kelapa, malah bukan arang yang biasa kita lihat di dunia ini. Bahan yang digunakan untuk menjadikan api yang menjulang-julang tinggi di neraka adalah terdiri daripada tubuh manusia dan berhala iaitu batu-batu yang diukirkan manusia ketika hidupnya di dunia ini.

Allah memberi gambaran ini melalui firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 24: "Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah



diri kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarannya ialah manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang kafir." Justeru, masihkah kita mampu menganggapnya sebagai satu tempat tinggal dengan gambaran yang ngeri keadaan neraka itu? Sememangnya ia adalah tempat seksaan, bukan untuk didiami.

### Nama-nama Neraka

Perkataan neraka dalam bahasa Arab adalah al-Naar. Namun, bukan perkataan ini sahaja yang digunakan dalam al-Quran. Terdapat banyak istilah lain yang digunakan dalam al-Quran bagi memberi gambaran betapa ngerinya neraka.

Namun demikian, nama Jahannam sering ditemui dalam al-Quran dan lebih sinonim dengan kita. Ketahuilah, terdapat nama lain bagi neraka selain Jahannam. Malah nama-nama tersebut juga disebut sebagai tingkatan dan pintu neraka. Al-Farra dalam tafsirnya menyatakan bahawa sesungguhnya Jahannam itu memiliki tujuh tingkatan, dan setiap tingkatan ada golongan manusia yang mendapat seksaan sesuai dengan dosa yang dilakukannya. Allah turut berfirman dalam surah al-Hijr ayat 43 dan 44 dengan menjelaskan tentang tujuh pintu bagi neraka: "Dan sesungguhnya Jahannam itu benar-benar tempat yang telah diancamkan kepada mereka (pengikut syaitan) semuanya. Ia (Jahannam) mempunyai tujuh pintu. Setiap pintu (telah ditetapkan) untuk golongan yang tertentu dari mereka."

Antara nama neraka yang ada disebutkan dalam al-Quran adalah Jahannam, Jahim, Hutamah, Hawiyah, Sa'ir, Saqar dan Lazha. Ayat-ayat dalam al-Quran menyebutkan dengan terperinci ciri-ciri orang yang akan menghuni neraka-neraka tersebut, namun yang paling mengerikan adalah apabila Allah menjanjikan neraka yang paling tinggi seksaan iaitu Jahannam bukan kepada orang kafir, tetapi kepada umat Nabi Muhammad yang beragama Islam yang melakukan dosa besar malangnya tidak sempat bertaubat sehinggalah dia meninggal dunia.

### Hidangan Makanan dan Minuman Buat Penghuni Neraka

Seksaan yang ada di neraka bukan sahaja keadaan api itu semata-mata, tetapi Allah menyediakan

seksaan berupa hidangan makanan dan minuman bagi penghuninya. Ia bukan makanan yang lazat dan berzat, minumannya juga bukanlah air yang manis dan mempunyai pelbagai rasa enak. Inilah hidangan dan makanan dan minuman buat penghuni neraka...

Jika penghuni syurga dijamukan dengan buah-buahan yang segar, penghuni neraka pula terpaksa memakan pokok yang berduri. Pokok berduri ini tidak mengeluarkan hasil yang enak di dalamnya sepertimana buah durian, tetapi akan mendatangkan kesakitan apabila dimakan dan tidak menghilangkan pun rasa lapar. Allah berfirman dalam surah al-Ghashiyah ayat 6 dan 7 yang bermaksud: "Tiada makanan bagi mereka (di neraka) selain daripada pokok-pokok yang berduri. (Makanan) yang tidak menggemukkan, dan tidak pula dapat menghilangkan sedikit kelaparan pun." Ada juga disebutkan dalam al-Quran tentang Zaaqum iaitu pohon yang mengeluarkan buah diciptakan daripada api. Bayangkan mereka yang berada dalam api yang marak menjulang mencari makanan lalu memakan buah daripada pohon Zaaqum yang diciptakan daripada api.

Manakala minuman yang dihidangkan kepada penghuni neraka adalah cecair yang betul-betul memberi seksaan amat pedih kepada peminumnya. Antara minuman tersebut yang digambarkan dalam al-Quran adalah air besi yang mendidih, nanah, darah serta peluh yang ditadah dari kulit orang kafir di neraka. Allah berfirman dalam surah Ibrahim ayat 16 dan 17: "Di belakangnya disediakan neraka Jahannam, dan ia akan diberi minum daripada air *sadid* (air atau peluh yang keluar dari tubuh ahli neraka). Dia meminumnya secara terpaksa dan hampir-hampir tidak dapat diterima oleh tekak (kerana busuk), dan dia didatangi (penderitaan) maut dari segala arah, sedang dia tidak pula mati (supaya terlepas daripada azab seksa itu), dan selain daripada itu ada lagi azab seksaan yang lebih berat."

Begitulah serba sedikit gambaran betapa ngeri seksaan yang dijanjikan oleh Allah kepada para penghuni neraka. Gambaran ini perlu dihayati sebaiknya bagi mewujudkan rasa kebergantungan kita kepada Allah. Ia juga bukti bahawa setiap perkara yang dijanjikan oleh Allah benar-benar berlaku.

# Perbanyakkan Sedekah di bulan Ramadhan

## Contohi Rasulullah :

*Daripada Ibnu Abbas radhiallahanhuma, beliau berkata:*

Nabi SAW adalah orang yang paling gemar bersedekah. Semangat baginda" dalam bersedekah lebih membara lagi ketika bulan Ramadan. Ketika itu Jibril menemui baginda, Jibril menemui baginda setiap malam di bulan Ramadan. Jibril mengajarkan Al-Quran ketika itu. Dan Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam adalah ".yang paling semangat dalam melakukan kebaikan bagai angin yang bertiup (HR Bukhari & Muslim)

# RAMADAN, PEMBEBASAN DARIPADA API NERAKA



Dr. Muhamad Zuhaili bin Saiman  
Pensyarah Kanan,  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Shah Alam

**B**eruntungnya umat Nabi Muhammad SAW kerana dianugerahkan oleh Allah SWT pelbagai ganjaran dan bonus hebat dalam bulan ramadan yang menjadi penghulu bagi segala ramadan. Namun keberuntungan tadi apabila kita benar-benar beriman dengan apa yang dibawa datang oleh Rasulullah SAW dan juga mengamalkannya dalam seluruh kehidupan kita. Ramadan bulan yang penuh ganjaran hebat namun ia bukan untuk mereka yang "bermalasan" dan tidak melakukan apa-apa. Ganjaran yang hebat tersebut diberikan oleh Allah SWT pada hamba-NYA yang beriman dan melakukan ketaatan dengan penuh mengharapkan redha Allah dan ampunan-NYA.

Mengapa ramadan merupakan peluang untuk kita bebas dari api neraka? Ini kerana RAMADAN adalah bulan pengampunan bagi umat Baginda SAW. Banyak hadith Rasulullah SAW yang menekankan aspek pengampunan dosa-dosa dalam bulan ramadan, antaranya riwayat dari Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah sallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ [وفي رواية]: مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya:

"Siapa saja yang berpuasa ramadan dengan dasar iman, dan berharap pahala dan redha Allah, maka dosanya yang lalu pasti diampuni." [dalam riwayat lain]: "Siapa saja yang melakukan qiyam [di malam hari] ramadan dengan dasar iman, dan berharap pahala dan redha Allah, maka dosanya yang lalu pasti diampuni."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Malang bagi mereka yang dapat bertemu dengan ramadan namun berlalunya ramadan tanpa mendapat pengampunan dari Allah SWT. Ini jelas berdasarkan riwayat dari Abu Hurairah bahawa ditanya kepada Rasulullah SAW akan ucapan Baginda SAW yang mengaminkan sesuatu doa lantas dijawab oleh Baginda SAW dalam hadis yang panjang, ringkasnya :

... إِنَّ جِبْرِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ أَتَانِي فَقَالَ مَنْ أَدْرَكَ شَهْرَ رَمَضَانَ فَلَمْ يُغْفَرْ لَهُ فَدَخَلَ النَّارَ فَأَبْعَدَهُ اللَّهُ قُلْ  
 آمِينَ فَقُلْتُ آمِينَ...

Maksudnya: "Barangsiapa yang bertemu dengan bulan ramadan tetapi tidak diampunkan baginya maka dia akan dimasukkan ke dalam neraka serta dijauhkan (daripada rahmat) oleh Allah SWT. Katakanlah (Wahai Muhammad): *Amin*. Maka aku katakan: *Amin*."

Apalah makna jika tidak diampunkan dosa sedangkan terbentang luas akan ganjaran hebat sempena ramadan? Sebab itu, kita hendaklah memastikan keberadaan kita dalam ramadan adalah dengan pelbagai ibadah dan aktiviti yang menjuruskan ketaatan kepada Allah SWT. Dengan pengampunan dosa inilah mudah-mudahan kita dilepaskan atau dibebaskan oleh Allah SWT dari seksaan api neraka. Inilah sebenarnya kejayaan jika terselamat dari seksaan api neraka.

Untuk mendapat peluang dibebaskan dari seksa api neraka ini, umat Islam dalam bulan ramadan mestilah:

1. Puasa di siang hari ramadan dengan bersungguh-sungguh yang menjadi benteng kita yang tidak sekadar menahan lapar dan dahaga namun mampu mencegah perkataan dan perbuatan yang sia-sia apatah lagi yang haram lagi keji.
2. Menghidupkan malam ramadan khususnya dengan ibadah solat tarawih yang hanya dilaksanakan dalam bulan ramadan, tidak di bulan yang lain. Sesibuk mana pun jangan ditinggalkan solat Tarawih ini kerana ia tanda kita menghidupkan malam ramadan.
3. Menghidupkan 10 malam terakhir khususnya bagi meraih anugerah Lailatul Qadar yang disebutkan oleh Allah SWT ia merupakan satu malam terlebih baik dari 1000 bulan.
4. Selain dari itu, umat Islam juga boleh berdoa di akhir sujud terakhir dalam solat Tarawih yang dilaksanakan sebelum bangkit atau berpindah ke rukun duduk Tasyahhud Akhir dengan membawa doa ini khususnya pada malam 10 terakhir, iaitu :

اللهم اجعلني من عتقائك من النار

Maksudnya :

Ya Allah Ya Tuhanku, jadikan daku dari kalangan hamba-Mu yang dibebaskan dari neraka.

Gunakan kesempatan apabila direzekikan oleh Allah SWT untuk kita dapat bertemu dengan ramadan maka pastikan keberadaan kita memaknai ramadan ini. Apa yang pasti ramadan bukanlah bulan biasa-biasa tetapi bulan yang diangkat di sisi Islam sebagai penghulu segala bulan. Justeru susun dan rancang jadual ibadah seharian dengan pelbagai ibadah dan aktiviti bermanfaat :

1. Tadarus al Quran sehingga khatam dan tadabbur.
2. Perbanyakkan sedekah.
3. Memelihara solat fardhu berjemaah.
4. Bangkit qiyamullail dan bersahur.
5. Mendirikan solat sunat tarawih.
6. Memburu lailatul qadr khususnya pada 10 malam terakhir serta tumpuan pada malam yang ganjil.
7. Mengejar waktu mustajab doa iaitu pada ketika hendak berbuka puasa.



# AZAB KUBUR SEBELUM AZAB NERAKA



*Mohd Ramadhan Syakir bin Awang  
Pegawai Tadbir,  
Universiti Sultan Zainal Abidin*

Suatu ketika, Saidina Uthman bin Affan berdiri berhampiran dengan sebuah kubur dalam keadaan menangis sehingga basah janggutnya. Beliau kemudiannya ditegur, “Ketika tuan mengingati Syurga dan Neraka, tuan tidak menangis begini. Tetapi kenapa tuan menangis kerana ini (kubur)?” Beliau menjawab, “Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah bersabda:

إن القبر أول منازل الآخرة فإن نجا منه فما بعده أيسر منه وإن لم ينج منه فما بعده أشد منه

Alam kubur adalah tempat singgah pertama dari alam Akhirat. Jika seseorang selamat darinya, maka apa selepas itu akan lebih ringan darinya. Jika tidak selamat darinya, maka apa selepas itu akan lebih berat darinya.

Sabda Rasulullah SAW lagi:

ما رأيت منظرًا قط إلا والقبر أفضع منه

*Demi Allah, aku tidak pernah melihat tempat yang lebih mengerikan sama sekali melainkan perkuburan.*

(Hadith Riwayat Ahmad)

## Apakah itu azab kubur?

Azab kubur adalah seksaan yang akan menimpa orang yang meninggalkan perintah Allah SWT ketika hidupnya di dunia. Ketika rohnya sedang ditarik oleh malaikat maut, orang yang meninggalkan perintah Allah SWT ketika hidupnya akan diperlihatkan oleh Allah SWT tentang kesudahannya di Akhirat nanti. Perasaan gerun dan takut untuk bertemu dengan Allah SWT akan menyelubungi dirinya. Malaikat maut pun akan merentap roh mereka dengan rentapan yang dahsyat.

Setelah jasadnya ditanam di dalam kubur, rohnya akan dikembalikan. Pada saat itu, akan datang dua malaikat yang akan menyoal beberapa soalan. Siapakah Tuhan kamu? Apakah agamamu? Siapakah lelaki yang diutuskan kepada kamu? Apakah amalan kamu?

Soalan-soalan ini tidak dijawab dengan pengetahuan, sebaliknya dengan amalan seseorang. Sekiranya baik amalan si mati, maka dia akan dapat menjawab dengan lancar. Sebaliknya, jika si mati bukan di kalangan mereka yang membuat amal kebajikan, bahkan sentiasa menderhakai Allah SWT ketika hidupnya, maka dia tidak akan dapat menjawab soalan-soalan tersebut. Setiap kali dia gagal menjawab soalan malaikat tadi, dia akan diazab.

Setelah itu, dia akan didatangi oleh seseorang. Jika baik amalannya, orang itu akan datang dengan wajah yang baik dan menyenangkan. Jika buruk amalannya, orang itu akan datang dengan wajah yang

mengerikan. Itulah amal kebaikan yang dilakukan ketika di dunia yang hadir dengan rupa manusia. Amalan itulah yang akan menemaninya sepanjang dia berada di alam barzakh.

Demikianlah keadaan dia di alam barzakh. Sekiranya dia seorang yang baik, maka dia akan berada dalam kenyamanan. Sekiranya dia seorang yang jahat, maka dia akan berada dalam kesengsaraan. Sehingga tiba masanya Allah SWT membangkitkan semula orang-orang yang telah mati ini pada hari Kiamat untuk dihisab dan diberi ganjaran yang selayaknya mengikut apa yang mereka amalkan ketika di dunia.

### Apakah sebab-sebab berlakunya azab kubur?

Secara umumnya azab kubur disediakan kepada orang-orang yang menderhakai Allah SWT ketika hidupnya di dunia. Namun begitu terdapat beberapa hadis yang menerangkan secara khusus beberapa perkara yang menyebabkan seseorang itu diazab di alam barzakh.

Antaranya hadis ketika Rasulullah SAW melalui sebuah kebun, Baginda terdengar suara orang yang sedang disiksa di dalam kubur mereka. Sabda Rasulullah SAW:

يعذبان وما يعذبان في كبير

*Keduanya sedang disiksa dan keduanya tidak disiksa kerana dosa besar.*

Kemudian Baginda bersabda:

بلى كان أحدهما لا يستبرئ من بوله وكان الآخر يمشي بالنميمة

*Benar, salah seorang daripada mereka tidak membersihkan kencingnya dengan teliti dan yang seorang lagi selalu mengadu domba.*

(Hadith Riwayat An-Nasa-i)

Hadis di atas berakhir dengan Rasulullah SAW mengambil pelepah kurma, mematahkannya supaya menjadi dua dan dipacakkan ke atas kubur masing-masing supaya dapat meringankan azab selama mana pelepah itu belum kering.

Sekiranya dua perkara seperti di atas yang selalu berlaku di sekeliling kita pun diazab sehingga didengari oleh Rasulullah SAW, maka apa pula keadaannya bagi mereka yang melakukan dosa yang lebih besar?

### Bagaimanakah cara untuk menghindari daripada azab kubur?

Menyedari bahawa alam barzakh adalah satu alam yang menakutkan, dan azab kubur adalah sesuatu yang dahsyat, maka seharusnya kita sebagai seorang muslim berusaha sedaya upaya untuk menghindarkan diri kita semua daripada terdedah kepada bahaya azab kubur. Antara usaha yang boleh dilakukan di dunia ini adalah:

1. Meningkatkan iman dan taqwa kepada Allah SWT  
Iman dan taqwa merupakan asas untuk menghadapi kematian dan alam selepas kematian. Dengan meningkatkan iman dan taqwa, secara langsung kita akan lebih terpelihara daripada melakukan dosa dan maksiat.
2. Meningkatkan amal ibadah  
Cara yang terbaik untuk mendekati diri kepada Allah SWT adalah dengan memperbaiki kualiti dan memperbanyakkan ibadah. Sekiranya seseorang hamba itu mendekati dirinya kepada Allah SWT dengan perkara-perkara sunat, tidak mustahil untuk dia dicintai Allah SWT, dan orang yang dicintai Allah SWT tentulah akan diselamatkan daripada azab kubur.
3. Menjaga hubungan sesama manusia  
Sebagaimana hadis di atas, mengadu domba merupakan salah satu sebab seseorang itu diazab di dalam kubur. Oleh itu, hubungan sesama manusia juga perlu dijaga mengikut batas-batas yang telah ditetapkan oleh syariat.



4. Menghindari dosa-dosa besar  
Sekiranya dosa-dosa seperti tidak membersihkan kencing dengan teliti dan mengadu domba yang boleh berlaku banyak kali dalam sehairipun diazab di dalam kubur, apatah lagi dosa-dosa besar seperti syirik, bunuh dan zina. Sudah tentulah lebih teruk dan lebih dahsyat. Kerana itu semua dosa besar yang seharusnya di jauhi.
5. Sentiasa berdoa  
Doa merupakan senjata yang paling hebat untuk menghindari azab kubur. Dalam satu hadith diriwayatkan bahawa Saidatina Aisyah RA telah bertemu dengan seorang wanita Yahudi yang menceritakan kepadanya tentang azab kubur. Rasulullah SAW kemudiannya bersabda:

أَعَاذُكَ اللَّهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ

*Semoga Allah melindungimu dari seksa kubur.*

Saidatina Aisyah kemudiannya bertanya kepada Rasulullah SAW tentang azab kubur. Baginda menjawab:

نعم عذاب القبر حق

Ya benar, azab kubur itu ada.

*Sejak daripada itu, Saidatina Aisyah tidak melihat Rasulullah SAW solat melainkan selepas itu Baginda memohon pertolongan daripada azab kubur.*

(Hadith Riwayat Bukhari)

6. Membaca Al-Quran terutamanya surah Al-Mulk

Rasulullah SAW pernah bersabda:

سورة من القرآن ثلاثون آية تشفع لصاحبها حتى يغفر له تبارك الذي بيده الملك

*Ada satu surah dari Al-Quran yang terdiri daripada 30 ayat dan dapat memberi syafaat bagi yang membacanya, sehingga dia diampuni, iaitu Surah al-Mulk.*

(Hadith Riwayat Abu Daud)

## Kesimpulan

Azab kubur merupakan seksaan yang sangat dahsyat bagi orang yang melakukan dosa di dunia. Oleh kerana itu, sebagai seorang muslim yang bertanggungjawab atas amal perbuatannya di dunia, kita perlu mempersiapkan diri bagi menghadapi kehidupan selepas kematian dengan meningkatkan iman dan taqwa, meningkatkan amal ibadah, menjaga hubungan sesama manusia, menghindari dosa-dosa terutamanya dosa-dosa besar dan selalu berdoa. Jika dilakukan semua ini secara berterusan dan ikhlas, mudah-mudahan akan membantu kita untuk menghadapi kematian dan kehidupan selepas kematian.

Sebagai seorang muslim juga, kita perlu sentiasa mengingatkan diri kita dan orang lain bahawa kehidupan ini hanyalah sementara dan kita semua akan kembali bertemu dengan Allah SWT. Marilah sama-sama kita mempersiapkan diri kita sebaik-baiknya agar kita dapat melaluinya dengan tenang. Semoga Allah SWT sentiasa memberi hidayah dan taufiq kepada kita serta perlindungan dan pertolongan.

Amin ya rabbal alamin.



# Cerita Neraka Dari Al-Quran Dan Al-Hadith



Dr. Muhammad Ikram bin Abu Hassan  
Kuliyah Pendidikan,  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Mempercayai wujudnya syurga dan neraka merupakan salah satu daripada rukun Iman selepas beriman dengan hari akhirat. Perkataan النار apabila diterjemahkan kepada Bahasa Melayu adalah bermaksud api. Manakala dari sudut istilahnya ialah tempat tinggal mereka yang kufur serta dimurkai oleh Allah SWT sepertimana syurga merupakan tempat tinggal orang beriman dan direndah Allah SWT.

Secara amnya gambaran neraka di dalam al-Quran dan al-Hadis merupakan sesuatu yang menakutkan lalu menginsafkan orang mukmin. Oleh yang demikian penulis akan memberikan beberapa gambaran neraka yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadis.

## 1. SUHU KEPANASAN API NERAKA.

Tercatat dalam suatu riwayat Rasulullah SAW menggambarkan kepada para sahabat bagaimanakah suhu api neraka.

Daripada Abu Hurairah, dia mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Api dunia yang kamu semua panaskan 1/70 bahagian daripada api nereka." Mereka bertanya: "Wahai Rasulullah, meskipun semua dikumpulkan?" Rasulullah SAW bersabda: "Ia lebih panas 69 kali.

(Riwayat Muslim)

Dapat diteliti daripada hadis di atas, 69 kali ganda daripada kepanasan api di dunia, bahang panasnya sudah tentu terasa dari jarak yang sangat jauh. Sepertimana bahang panas api di dunia yang kita dapat rasakan apabila mendekatkan tangan dekat dengan api. Bahang panas dari jauh ini sahaja sudah memadai membuatkan ahli neraka menyesal sebelum diseret dengan rantai dan dihumban ke dalamnya.

Suhu panas ini juga diceritakan dalam surah an-Naba' yang bermaksud:

“Mereka tidak dapat merasai udara yang sejuk di dalamnya” (Ayat: 24)

## 2. WARNA API NERAKA.

Bentuk dan keadaan api neraka dijelaskan oleh Rasulullah SAW kepada sahabat RA secara terperinci termasuklah warnanya. Al-Tarmizi meriwayatkan daripada Abu Hurairah, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: “Neraka dinyalakan selama seribu tahun sehingga ia menjadi amat merah, kemudian dipanaskan lagi seribu tahun sehingga menjadi amat putih, kemudian dipanaskan lagi seribu tahun sehingga menjadi amat putih, kemudian dipanaskan lagi seribu tahun sehingga menjadi hitam pekat.”

Mendengar bahawasanya api neraka dipanaskan selama beribu tahun sahaja telah membuatkan kita tercengang. Apatah lagi sekiranya menggambarkan warna apinya yang hitam. Boleh difahami daripada api neraka yang hitam ini, tiada cahaya disebalik nyalaan api tersebut seperti di dunia kerana hitam pekat apinya. Sekali lagi gambaran ini sudah tentu membangkitkan rasa keinsafan kerana berada dalam kegelapan merupakan sesuatu yang amat ditakuti oleh manusia secara fitrahnya.

## 3. AIR MINUMAN DALAM API NERAKA.

Ahli neraka juga diberi minuman kerana mereka meminta untuk minum dek kehausan kerana kepanasan. Namun, air yang tersedia bagi mereka adalah yang sangat panas bahkan sangat kotor. Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

“Di belakangnya disediakan neraka Jahannam, dan ia akan diberi minum daripada air danur (yang keluar daripada tubuh ahli neraka). Ia meminumnya dengan terpaksa dan hampir-hampir tidak dapat diterima oleh tekaknya (kerana busuknya), dan ia didatangi (penderitaan) maut dari segala arah, sedang ia tidak pula mati (supaya terlepas daripada azab seksa itu); dan selain daripada itu, ada lagi azab seksa yang lebih berat.” (Surah Ibrahim, ayat 16-17).

Ibnu Abbas menyebutkan bahawasanya air ini adalah hasil daripada benda yang mengalir daripada kulit dan daging orang kafir iaitu peluh yang ditadah, lalu diberi minum kepada ahli neraka yang lainnya.





Manakala tentang kepanasan airnya firman Allah SWT:

“Mereka tidak dapat merasai udara yang sejuk di dalamnya dan tidak pula sebarang minuman kecuali air panas yang menggelegak dan air nanah yang mengalir.” (Surah al-Naba', ayat 24-25)

Terdapat pandangan daripada Ibnu Abbas RA menyatakan tentang ayat ini bahawa: Nama air ini adalah hamim dan ia adalah air yang panas yang membakar. Air yang masuk ke dalam kerongkong dalam keadaan panas. Air panas itu mendidih sejak Allah menciptakan langit dan bumi sehinggalah tibanya waktu ketika penghuni neraka meminumnya dan dituangkan di atas kepala mereka sehingga terlerai anggota tubuh badan mereka.

#### 4. MAKANAN AHLI NERAKA.

Sepertimana mereka dahaga, ahli neraka juga kelaparan dan meminta supaya diberikan makanan. Lalu mereka diberi makan daripada pohon yang berduri yang pada hakikatnya tidak boleh di makan. Kerana terlalu kelaparan mereka memakannya juga lalu tertusuk mulut, rengkung dan perut mereka. Firman Allah SWT:

“Tiada makanan bagi mereka (di neraka) selain daripada pokok-pokok yang berduri. (Makanan) yang tidak menggemukkan, dan tidak pula dapat menghilangkan sedikit kelaparan pun.”  
(Surah al-Ghasyiyah, ayat 6-7).

Walhal makanan yang terpaksa dimakan oleh mereka berupa pohon berduri tersebut tidak juga menghilangkan kelaparan mereka. Mereka kekal dalam kelaparan selama berada dalam api neraka.

Keempat-empat gambaran di atas menggambarkan betapa teruknya keadaan api neraka. Suhunya, warnanya, minuman dan makanannya. Belum lagi dilihat apakah kehidupan mereka yang berada dalam api neraka tersebut. Bagaimanakah mereka mampu menghadapi azab seksaan selama-lamanya. Tidak sedikitpun diringankan azab ke atas mereka. Sudah tentulah penyesalan demi penyesalan. Rayuan demi rayuan dibuat oleh mereka kepada malaikat-malaikat penjaga api neraka. Begitu juga tohmahan demi tohmahan dilemparkan sesama mereka dengan menyebut, merekalah yang menyebabkan kami berada dalam api neraka.

Gambaran api neraka pada hakikatnya cukup membuatkan seorang yang mukmin dengan janji-janji Allah SWT dan Rasul-Nya berasa gentar. Lalu lahirlah perasaan takut iaitu taqwa. Taqwa ini akan memandu mereka di dunia untuk melaksanakan segala arahan Allah dan meninggalkan segala larangan Allah SWT.



# SIBUKKAN DIRI DENGAN AL-QURAN DALAM BULAN RAMADAN



*Ustazah Izzati Farhana binti Mahadzir*  
Pengajar al-Quran  
Akademi El Farouq Consultant

Allah SWT mengangkat bulan Ramadan sebagai bulan yang teristimewa bagi umat Nabi Muhammad SAW dengan pelbagai keistimewaan, antaranya ialah diturunkan al-Quran. Sebab itu Ramadan juga dikenali sebagai bulan al-Quran. Firman Allah SWT:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۚ

Maksudnya: "Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah."

(Surah Al-Baqarah: 185)

Bulan Ramadan amat teristimewa apabila memperlihatkan sikap para ulama terdahulu akan menyibukkan diri dengan mendampingi al-Quran dan ia menjadi perkara keutamaan.

Ibn Rajab al-Hanbali di dalam kitabnya Latoif al-Ma'arif menyatakan sikap salafus soleh terdahulu apabila datangnya Ramadan mereka memberikan keutamaan terhadap al-Quran. Kata Ibn Rajab:

"Adalah sebahagian orang soleh terdahulu menghidupkan Ramadan dengan mengkhataam al-Quran pada setiap 3 malam, ada yang khatam pada setiap 7 hari antaranya ialah Qatadah. Sebahagian mereka pula setiap 10 hari antaranya ialah Abu Raja' al-'A'aridi. Orang soleh terdahulu membaca al-Quran pada bulan Ramadan sama ada dalam solat atau luar solat. Antara mereka ialah:

- Al-Aswad mengkhataamkan bacaan Al-Quran dalam bulan Ramadan setiap dua malam sekali.
- Al-Nakha'i pada ketika tibanya sepuluh hari terakhir pada bulan Ramadan, beliau mengkhataamkan Al-Quran sekali sehari, dan baki hari Ramadan (sebelumnya) 3 hari sekali khatam.
- Imam al-Syafi'i mengkhataamkan Al-Quran sebanyak 60 kali pada bulan Ramadan di luar bacaan solat.
- Al-Imam Al-Zuhri Rahimahullah apabila tiba bulan Ramadan mengatakan: "Bulan ini adalah bulan tilawah (membaca Al-Quran) dan memberi orang makan".
- Berkata Ibn Abdul Hakim (Hikam) bahawa Imam Malik Rahimahullah apabila tibanya bulan Ramadan, beliau meninggalkan majlis pembacaan hadis dan beralih kepada pembacaan Al-Quran.

Kesibukan dan fokus kepada al-Quran ini dapat dilakukan dalam tiga bentuk iaitu:

1. Bacaan yang banyak.
2. Mentadabbur dan memperhatikan kandungan makna.
3. Mengulangi hafazan.

Kadang kala menjadi persoalan masyarakat sedangkan hakikatnya tidak perlu pun timbul sedemikian pun iaitu “manakah awlawiyat (keutamaan) sama ada membaca al-Quran sehingga khatam atau mentadabbur surah-surah atau ayat-ayat pilihan?”. Jawapannya buat dua-dua. Malam bertadarrus dalam halaqah manakala waktu pagi dan tengahari boleh dijadikan waktu untuk tadabbur dengan mendengar kuliah serta membaca buku ilmiah yang berkaitan. Asasnya, jika dua perkara baik boleh dihimpunkan itu lebih baik kerana kedua-dua mampu dilaksanakan.

Adapun dari sudut fadilat dan galakan berkaitan al-Quran merupakan satu kemuliaan yang ditetapkan oleh Allah ke atas al-Quran. Jangan pula mengejar fadilat yang terdapat namun leka terhadap maqasid penurunan al-Quran. Umpamanya membaca untuk sekian sekian fadilat tapi tidak mahu beramal dengan isi kandungannya. Begitu juga memperbanyakkan bacaan dan mengambil barakah menghafaz namun keyakinan terhadap kebenaran al-Quran masih goyah.

Antara fadilat al-Quran yang jelas terdapat banyak dalil sama ada menerusi ayat al-Quran sendiri atau hadis ialah antaranya:

1. Gandaan pahala bacaan bagi 1 huruf dikira 10 kebajikan.
2. PENDING dari gangguan makhluk halus dan was was syaitan.
3. Melihat al-quran pun dikira mendapat pahala.

Dan sememangnya al-Quran adalah bukan kalam makhluk atau juga catatan makhluk, disebabkan itu ia penuh dengan pelbagai kelebihan, fadilat dan kurniaan. Namun jangan lupa mengejar fadilat sehingga menafikan maqasid tujuan penurunan. Lantaran itu, perkara pertama sekali untuk al-Quran dijadikan sebagai petunjuk adalah mestilah tiada keraguan pada al-Quran. Terus yakin dan membenarkannya. Firman Allah SWT:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ ۚ فِيهِ ۚ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Maksudnya: “Demikianlah kitab (Al-Quran) itu, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.”

(Surah Al-Baqarah: 2)

Jika masih ada keraguan padanya maka sia-sia sahajalah sekalipun mempunyai suara lunak dalam pembacaan dan memiliki otak pintar dalam pengajian. Jadikan Ramadan madrasah yang mentarbiyah jiwa kita untuk kembali kepada al-Quran bermula dengan beriman seluruh isi kandungan kemudian membacanya, memahaminya, melaksanakannya, menyebarkan dan juga mempertahankannya. Jika dalam dalam bulan Ramadan masih jauh dari al-Quran, bimbang bulan lain lagi hanyut jauh.





# Disangka Syahid... Rupanya...



Mohammad Baihaqi bin Md Yusnan  
Pensyarah,  
Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

"Si fulan telah syahid! Dan si fulan juga telah syahid! Sehingga..."

Mati syahid di jalan Allah merupakan cita-cita tertinggi setiap insan yang beriman kerana pelbagai keistimewaan yang telah dijanjikan oleh Allah di dalam al-Quran dan ketinggian darjat mereka melalui janji-janji Nabi di dalam hadis-hadis Baginda. Tetapi, di sana ada golongan yang diberitakan oleh Nabi yang akan dihalang dari masuk ke syurga, walaupun dia mati kerana telah syahid di jalan Allah.

Siapakah mereka? Bagaimanakah keadaan mereka? Dan kenapakah pahala mati syahid mereka terbatal? Ayuh kita soroti bersama.

## KISAH 1: MENGAMBIL HARTA MANUSIA TANPA HAK

Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه قال: لما كان يوم حَيْبَرَ أَقْبَلَ نَفْرًا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا: فُلَانٌ شَهِيدٌ، وَفُلَانٌ شَهِيدٌ، حَتَّى مَرُّوا عَلَى رَجُلٍ فَقَالُوا: فُلَانٌ شَهِيدٌ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ﴿كَلَّا! إِنِّي رَأَيْتُهُ فِي النَّارِ فِي بُرْدَةٍ غَلَّهَا - أَوْ عَبَاءةٍ﴾ رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Maksudnya: Daripada Umar Bin al-Khattab RA, beliau berkata: Setelah pulang dari peperangan Khaibar, sekumpulan sahabat Nabi telah pergi berjumpa dengan Nabi lantas mereka berkata: Si fulan telah syahid! Dan si fulan juga telah syahid. Sehingga mereka melewati seorang lelaki, maka mereka berkata: Si fulan ini telah syahid. Nabi bersabda: (Tidak benar sama sekali. Bahkan aku melihatnya di neraka kerana dia telah mengambil kain/pakaian (dari ghanimah perang) secara tidak benar (secara senyap-senyap)).

Di dalam hadis ini, para sahabat Nabi menunjukkan dan memberitahu Nabi nama-nama syuhada' perang yang telah terkorban di medan peperangan Khaibar. Apabila sampai kepada seorang lelaki yang juga telah syahid di dalam peperangan itu (di dalam satu riwayat dari Sahih al-Bukhari, nama lelaki tersebut adalah Karkirah), ternyata Nabi mengeluarkannya dari kemuliaan mati syahid di jalan Allah; kerana si fulan telah mengambil atau menyimpan harta rampasan perang (berupa kain atau pakaian) secara tidak betul (secara senyap-senyap).

## KISAH 2: KELEBIHAN MATI SYAHID TERHAPUS KERANA HUTANG

Antara kelebihan yang dijanjikan oleh Nabi kepada mereka yang mati syahid pada jalan Allah adalah diampunkan segala dosanya. Alangkah bertuahnya kita jika kita mendapat kelebihan ini! Tetapi di sana ada satu perkara yang Nabi sebutkan yang boleh menghapuskan kelebihan yang besar ini. Apakah dia? Tidak lain dan tidak bukan, ia adalah hutang. Ya! Hutang seorang manusia dengan manusia yang lainnya. Kenapa hutang? Kenapa ia dianggap sangat besar sehingga boleh menghapuskan antara sebaik-baik amalan yang dilakukan oleh manusia? Ini adalah kerana hutang merupakan hak sesama manusia, dan hak sesama manusia haruslah diselesaikan walaupun setelah seseorang itu meninggal dunia.

وعن أبي قتادة الحارث بن ربعي رضي الله عنه، عن رسول الله صلى الله عليه وسلم أنه قام فيهم، فذكر لهم أن الجهاد في سبيل الله والإيمان بالله أفضل الأعمال، فقام رجلٌ فقال: يا رسول الله، أرايت إن قُتلتُ في سبيل الله، تُكفّر عني خطاياي؟ فقال له رسول الله صلى الله عليه وسلم: ﴿نعم، إن قُتلتَ في سبيل الله

وَأَنْتَ صَابِرٌ مَّحْتَسِبٌ مُقْبِلٌ غَيْرٌ مُدْبِرٌ ﴿١٠٠﴾، ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ﴿كَيْفَ قُلْتُمْ؟﴾، قَالَ: أَرَأَيْتَ إِنْ قُتِلْتُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، تُكْفَّرَ عَنِّي خَطَايَايَ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ﴿نَعَمْ، وَأَنْتَ صَابِرٌ مَّحْتَسِبٌ، مُقْبِلٌ غَيْرٌ مُدْبِرٌ، إِلَّا الدَّيْنَ؛ فَإِنْ جَبْرَيْلُ قَالَ لِي ذَلِكَ﴾ رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Maksudnya: Dan daripada Abu Qatadah al-Harith bin Rabi' RA, daripada Rasulullah, bahawa beliau berdiri di tengah-tengah mereka, maka Baginda menyebutkan kepada mereka bahawa berjihad di jalan Allah dan beriman kepada Allah adalah sebaik-baik amalan. Maka telah berdiri seorang lelaki lantas berkata: Wahai Rasulullah! Adakah kamu melihat, jika aku terbunuh pada jalan Allah (ketika berjihad), akan diampunkan bagi dosa-dosaku? Maka Nabi menjawab: "Ya. Jika kamu terbunuh di jalan Allah dalam keadaan kamu bersabar, mencari pahala, maju ke hadapan (dalam melawan musuh) dan tidak melarikan diri". Kemudian Nabi bersabda: "Bagaimana katamu tadi?". Dia bertanya kembali: Adakah kamu melihat, jika aku terbunuh pada jalan Allah (ketika berjihad), akan diampunkan bagi dosa-dosaku? Maka Nabi menjawab: "Ya. Dan ternyata kamu orang yang sabar, orang yang mencari pahala (dengan berjihad), orang yang berani berhadapan dengan musuh dan tidak melarikan diri; kecuali padamu ada hutang (yang belum terlunas). Sesungguhnya Jibril telah mengkhabarkan kepadaku (akan hal ini)".

Hadis ini adalah satu isyarat yang jelas bahawa agama Islam mengambil serius perihal hutang. Malangnya dalam masyarakat kita kini membarah satu penyakit iaitu penyakit bermudah-mudahan dengan hutang. Buat hutang kemudian lari dari membayarnya. Ini adalah satu penyakit yang sangat bahaya, kerana ia boleh menjadikan si penghutang itu mufis di sana nanti!

### **KISAH 3: DIHUMBANKAN KE NERAKA WALAUPUN MATI SYAHID!**

Pernahkah kita mendengar kisah berkenaan manusia pertama yang dihumbankan ke neraka? Siapakah mereka? Kisah ini diceritakan oleh Nabi di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim. Hadis tersebut dari Abu Hurairah RA, bahawa Nabi bersabda:

﴿إِنَّ أَوَّلَ النَّاسِ يَقْضَىٰ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَيْهِ: رَجُلٌ اسْتَشْهَدَ فَأَتَىٰ بِهِ، فَعَرَفَهُ نَعْمَهُ، فَعَرَفَهَا، قَالَ: فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا؟ قَالَ: قَاتَلْتُ فِيكَ حَتَّى اسْتَشْهَدْتُ، فَقَالَ: كَذَبْتَ، وَلَكِنَّكَ قَاتَلْتَ لِأَنْ يَقَالَ: جَرِيءٌ، فَقَدْ قِيلَ، ثُمَّ أُمِرَ بِهِ، فَسُحِبَ عَلَىٰ وَجْهِهِ، حَتَّى أُلْقِيَ فِي النَّارِ...﴾ رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Maksudnya: Sesungguhnya manusia pertama yang dihisab pada hari Kiamat nanti adalah seorang yang mati syahid, lalu diperlihatkan kepadanya kenikmatan sehingga dia mengetahuinya dengan jelas, kemudian Allah bertanya kepadanya: Apa yang telah kamu lakukan di dunia? Jawabnya: Saya berjuang dan berperang keranaMu sehingga saya mati dibunuh (dan syahid). Maka Allah berkata: Kamu berdusta! Sesungguhnya kamu berjuang bukan untukKu, tetapi untuk kamu disebut sebagai orang yang berani. Dan memang telah dikatakan begitu (di dunia). Maka diperintahkan supaya diheret (pada mukanya) dan dicampakkan ke neraka... (begitu juga orang yang kaya dan orang yang kuat beramal)

Jika kita amati, ketiga-tiga golongan yang disebutkan oleh Nabi di dalam hadis ini bukanlah orang yang kurang amalannya di dunia, tetapi merekalah manusia yang melakukan banyak amalan, bahkan berganda-ganda amalan mereka lebih dari orang biasa. Malangnya, ketika melakukan amalan-amalan besar ini, ternyata niat mereka sedikit terpesong, dan Allah Maha Mengetahui apa yang ada di dalam hati manusia.

Tuntasnya, mati syahid adalah dambaan setiap individu muslim kerana kelebihan-kelebihannya yang banyak. Tetapi perlu diingatkan bahawa ada beberapa perkara yang perlu dititik-beratkan supaya pahala daripada amalan-amalan yang dilakukan tidak sia-sia dan membawa kerugian pada kita. Ikhlaskan niat, teguhkan tekad dan bulatkan keazaman kerana syurga dambaan kita semua!

# BATU DARI NERAKA



Siti Sabila binti Che Pa  
Penulis Buku  
"Virus Cinta Utusan Ilahi"

Siapa penghuni neraka kelak? Soalan bocor ini Allah SWT sudah menjawabnya dalam surah At-Tahrim ayat 6 berbunyi:

أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

Hai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api yang bahan bakarnya adalah manusia-manusia dan batu-batu.

Ayat ini diawali dengan perintah agar menjaga diri serta keluarga daripada siksaan api neraka. Boleh juga kita simpulkan, Allah SWT menyebut manusia dan batu sebagai bahan bakar api neraka ini sebagai bentuk ancaman atau bentuk peringatan. Khususnya ditujukan kepada manusia oleh kerana kejahatan atau kekufuran mereka sendiri. Betapa dahsyatnya api neraka, manusia itulah yang menjadi bahan bakarnya. Selain manusia, ada juga penghuni lain iaitu dari golongan jin dan syaitan.

Atas sebab apakah peringatan ini diberikan? Agar manusia takut dan berhati-hati supaya tidak tergelincir masuk ke dalam neraka. Disebutkan api yang berbahan bakar batu itu menggambarkan bahwa, api tersebut sangatlah panas dan tidak dapat ditandingi. Batu merupakan objek yang keras, tidak seperti kayu. Api yang menyala pada batu tentu berganda panasnya daripada api yang hanya menyala di atas kayu.

Petikan daripada buku Syarah Rukun Iman karya Ustaz Dr. Firanda Andirja, Lc.MA menyatakan, "Adapun batu yang dijadikan bahan bakar neraka sebagian salaf menyebutkan bahwa batu yang dijadikan bahan bakar neraka adalah batu yang tersusun dari *kibrit* (sulfur/belerang) (Lihat: Tafsir At-Thobari 1/381). Batu jenis ini sebagaimana dijelaskan oleh para ahli tafsir memiliki lima kekhususan (Lihat: At-Takhwif min An-Naar karya Ibnu Rajab hal. 107; Al-Jannah Wa An-Nar karya Syaikh Sulaiman Al-Asyqar hal. 30), iaitu:

1. سُرْعَةُ الْإِقْتَادِ : Cepat menyala
2. تَنْنُ الرِّائِحَةِ : Memunculkan bau yang tidak sedap
3. كَثْرَةُ الدُّخَانِ : Memicu asap yang sangat banyak
4. شِدَّةُ الْإِلْتِصَاقِ بِالْأَبْدَانِ : Mudah menempel di tubuh
5. قُوَّةُ حَرِّهَا إِذَا حُمِيَتْ : Sangat kuat panasnya apabila dipanaskan

Teringat akan sembang santai saya dalam kereta seperjalanan pergi ke pasar pagi tempoh hari bersama anak-anak, sementara menunggu suami membeli beberapa jenis makanan, saya bertanya, "Marah-marah, buat perangai tak elok ni sifat siapa?"

"Syaitan," anakanda yang berumur lima tahun menjawab spontan.

"Kalau kita marah-marah, terbuat jahat, maksudnya kita berkawan dengan syaitan. Syaitan duduk mana?"

"Neraka."

"Nak duduk neraka juga ke?"

"Tak nak."

"Kalau kita terbuat jahat juga, macam mana?"

"Istighfarlah, nekad jangan ulangi lagi."

Kitalah yang saling menjaga dan mengingatkan keluarga dengan melarang setiap larangan Allah SWT dan mengerjakan apa yang diperintahkan-Nya. Jika bukan kita sebagai ahli keluarga, maka siapa lagi? *Allahu 'alam.*

# PEMBERI DAN PENERIMA RASUAH DI NERAKA



*Nik Mohd Sukiman bin Nik Yusof  
Pengarah, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan  
Ibu Pejabat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah  
Malaysia*

Sebagai Sebagai umat Islam kita dianjurkan untuk mencari rezeki yang halal. Islam memberi kebebasan kepada umatnya untuk menjana harta dan kekayaan selagi mana tidak melanggar syariat Allah dan batas-batas kemanusiaan. Salah satu daripada larangan Allah ialah jenayah rasuah.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ وَتُدْءُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

(Surah al-Baqarah: 188)

Ayat di atas ditafsirkan oleh hadis Rasulullah SAW melalui sabdanya:

لَعْنُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ

Maksudnya: “Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah.”

(Riwayat Ahmad (6532, 6778, 6830), Abu Daud (3582) dan al-Tirmizi (1337).

Ulama menyandarkan sifat rasuah seperti yang disebutkan pada sabda Nabi SAW dengan jelas mengenai kesalahan melakukan rasuah, seperti hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin ‘Amr RA, Rasulullah SAW bersabda:

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِيِّ وَالْمُرْتَشِيِّ

Maksudnya: “Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah.”

(Riwayat Ahmad (6984) dan Ibnu Majah (2313).

Ayat al-Quran dan hadis yang dinyatakan di atas mendahulukan laknat terhadap sesiapa yang memberi rasuah. Semua pihak yang ada kaitan dengan penyelewengan rasuah adalah berdosa besar. Bukan sahaja penerima rasuah bahkan termasuklah pemberi rasuah yang memulakannya juga berdosa besar dan bersalah.

# RASUAH

## Kita Sedang Di Perhatikan

Berdasarkan petikan dalil daripada al-Quran dan al-Hadith maka sudah jelaslah bahawa rasuah bukan sahaja perbuatan jenayah malah merupakan satu dosa yang dibenci. Sudah jelas bahawa rasuah merupakan amalan yang terkutuk dan dilaknat oleh Allah dan Nabi SAW.

Hadis Rasulullah SAW ini menunjukkan bahawa jenayah rasuah melibatkan semua pihak, bermula dengan pemberi, penerima dan orang tengah. Apabila Allah SWT melaknat bermakna perbuatan rasuah adalah satu dosa besar yang dikutuk, wajib dihukum di dunia dan akhirat sekiranya tidak bertaubat atau menerima hukuman yang setimpal di dunia ini.

Apabila rasuah adalah satu dosa besar, maka Islam mengambil pendekatan menanganinya secara holistik dan melibatkan semua pihak, bermula daripada individu, masyarakat dan negara, bukannya secara cebisan sahaja.

Islam mengharamkan perbuatan rasuah kerana ia menyebabkan kezaliman kepada masyarakat, orang yang tidak bersalah dihukum bersalah, menghapuskan peluang kepada mereka yang layak melakukan sesuatu tugas atau pekerjaan, berleluasanya amalan penipuan dan juga sebagai permulaan kepada perbuatan jenayah lain yang lebih dahsyat.

Mereka yang terlibat dengan rasuah telah memilih untuk menjatuhkan maruah diri, mencalarkan kebahagiaan keluarga, menjejaskan keharmonian masyarakat dan mengancam kesejahteraan negara. Di sisi Rasulullah SAW pula mereka adalah golongan yang terlaknat.

Hadis ini menjelaskan kepada kita bahawa setiap orang yang terlibat dengan rasuah iaitu pemberi dan penerima rasuah, pengantara atau proksi bagi kedua-duanya atau sesiapa yang sanggup menjadi keldai tunggangan jenayah rasuah ini, mereka semua dilaknat dan dikutuk. Seorang yang dilaknat sudah tentu akan jauh dari rahmat dan petunjuk Allah. Lebih hina lagi jika dia mati dalam keadaan hidupnya masih bergelumbang dengan rasuah yang keji.

Sifat pentingkan diri sendiri, tamak dan ingin hidup mewah dengan cara mudah menjadi pendorong utama kepada seseorang melakukan jenayah rasuah ini. Iman dan taqwa tidak lagi penting baginya, pahala dan dosa tidak dihiraukan kerana dikaburi dengan ganjaran yang banyak di samping kesenangan duniawi. Faktor tekanan hidup dan kurang sabar, kelemahan dalam pengawalan diri, jahil tentang kesan rasuah terhadap institusi dan negara, kurang ketelusan dan pemantauan dalam pentadbiran sehingga mewujudkan ruang dan peluang untuk melakukan rasuah, semuanya ini turut menyumbang kepada terjadinya gejala rasuah.

Orang yang terlibat dengan rasuah doanya terhijab, amal ibadahnya tidak diterima, sedekahnya tertolak dan di akhirat kelak dia akan bangkit sebagai seorang yang muflis. Rasuah tidak akan menjadikan seorang itu tenang, kekayaan yang dimiliki akan menjadi bebanan jiwa sepanjang hayat, ketahuilah rezeki terlaknat rezeki yang tiada berkat. Bayangkan pula anak-anak dan keluarga yang makan dari sumber dan hasil yang haram, pengkhianatan apa yang sedang dilakukan terhadap mereka? Takutlah jika neraka menjadi tempat kembalinya di akhirat nanti.

“Wahai Ka’ab bin Ujrah, tidaklah daging manusia tumbuh dari barang yang haram kecuali neraka lebih utama atasnya.” (Riwayat al-Tirmidzi).

Kesimpulannya, sekiranya kita sayangkan diri dan keluarga, marilah sama-sama kita berusaha menjadikan daging tubuh kita suci dan murni daripada kotoran yang berupa rasuah dan salah guna kuasa.



# KESIHATAN DAN RAMADAN



*Dr. Syed Mohd Redha Bin Syed Nasir  
Perubatan Dalaman, Gastroenterologi dan Hepatologi  
Pantai Hospital Cheras*

**A**hamdulillah. Syukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah menjadikan kita umat Islam dan pengikut junjungan besar lagi mulia Nabi Muhammad SAW.

Tidak berapa lama lagi bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan akan menjelma dan seluruh umat Islam di dunia ini akan menghadapi bulan ibadah ini. Dalam bulan Ramadan umat Islam diperintahkan untuk berpuasa di siang hari. Di samping meneruskan amal-amal ibadat yang biasa dilaksanakan di bulan-bulan lain kita juga diseru agar meningkatkan amal-amal sunnat dan menghidupkan malam dengan solat tarawih dan tahajud.

Sebagai seorang yang beriman kepada Allah SWT dan Rasul SAW adalah dituntut atas kita untuk meyakini bahawa kejayaan kita yang hakiki terletak dalam mentaati seluruh perintah Allah. Untuk itu adalah wajar agar kita meletakkan keyakinan dan pengharapan yang penuh kepada Allah SWT. Ada yang tak sabar untuk mengejar segala kebaikan, rahmat dan keberkatan yang Allah janjikan dalam bulan ini. Namun, sebahagian dari umat ini yang mempunyai masalah kesihatan mungkin akan berdebar-debar memikirkan bagaimana untuk mengharungi cabaran beribadat Ramadan ini.

Sebagai langkah berikhtiar adalah dinasihatkan agar pesakit-pesakit segera mendapatkan nasihat dari pada doktor yang merawat mereka mengenai persiapan kesihatan agar dapat menyempurnakan amal ibadat sebanyak mungkin di bulan ini. Di sini saya ingin berkongsi beberapa langkah kesihatan untuk para pembaca berdasarkan pengalaman saya selama ini.

Antara masalah yang sering dialami oleh masyarakat umum dan juga di kalangan para pesakit adalah berkaitan dengan sistem pemakanan dan penghadaman. Seringkali kita dengar bahawa dalam bulan Ramadan ini ramai yang mengatakan mereka mendapat penyakit 'gastrik' atau pengidap penyakit gastrik akan mendapati bahawa penyakit gastrik mereka menjadi serius. Sebenarnya perkara ini bukanlah akibat dari pada amalan berpuasa itu sendiri. Harus kita faham bahawa bukan semua gejala atau simptom sakit perut adalah disebabkan oleh penyakit 'gastrik' yang sering disabitkan dengan berpuasa.

Sakit perut adalah suatu penampilan penyakit dan boleh disebabkan oleh beberapa punca. Antara yang lazim adalah rasa pedih di bahagian atas abdomen (ulu hati) yang adakalanya naik ke bahagian dada dan menyebabkan rasa masam/asidik dalam mulut. Ini adalah disebabkan jus asid dari perut yang naik ke atas (asid reflux atau GERD). Keadaan ini biasa berlaku apabila seseorang berbuka dengan sukatan makanan yang banyak terdiri daripada jenis makanan yang pedas, 'spicy' dan disudahi dengan minuman seperti teh, kopi atau minuman bergas. Keadaan ini melemahkan otot pencerut di antara perut dan esophagus. Ini mengakibatkan asid melimpah ke bahagian esophagus dan menyebabkan keradangan. Tambahan pula apabila kita rukuk dan sujud dalam keadaan begini nescaya asid dari pada perut yang sedang penuh akan melimpah lebih jauh ke atas. Untuk mengelakkan gejala ini berlaku, berbukalah dengan buah tamar dan sedikit air. Kemudian makanlah makanan yang tidak terlalu pedas dan elakkanlah meminum teh, kopi atau minuman bergas secara berlebihan. Sekiranya pembaca



mampu berhentilah makan sebelum kenyang agar dapat mengelakkan keadaan di atas.

Adakalanya pesakit gastrik mengadu keadaan mereka bertambah buruk semasa bulan puasa. Ini mungkin berlaku pada permulaan bulan kerana kita belum sesuai dengan latihan berpuasa. Penjelasannya ialah, untuk jus gastrik keluar ke dalam perut perlukan rangsangan dari pada otak. Sekiranya otak kita memikirkan tentang makanan, ini akan merangsangkan pengeluaran jus gastrik dan sekiranya perut kosong ketika itu maka rasa pedih perut akan berlaku. Oleh itu, antara langkah yang boleh dibuat untuk mengatasi masalah gastrik ini ialah dengan berlatih berpuasa sunat di bulan bulan sebelum Ramadan untuk melatih diri menghadapi keadaan berpuasa sebulan Ramadan. Langkah tambahan yang boleh dilakukan untuk mengelakkan serangan gastrik ialah dengan bersahur di waktu sebelum fajar. Bersahurlah dengan makanan yang berserat tinggi seperti roti yang diperbuat dari pada biji-bijiran, sayur-sayuran dan buah-buahan kerana makanan ini melambatkan proses penghadaman. Amalan bersahur bukan sahaja dapat mengelakkan serangan gastrik bahkan ia adalah dituntut dan amalan yang penuh dengan keberkatan.

Di samping itu, masalah yang berkait dengan perut yang diterangkan di atas, terdapat satu lagi gejala sakit perut yang dihadapi di bulan Ramadan ini iaitu serangan sakit perut yang disebabkan oleh batu dalam pundi hempedu (*biliary colic*). Kesakitan yang dialami bukanlah pedih tetapi memulas dan adakalanya senak dan memualkan. Biasanya sakit ini disertakan dengan muntah. Kiranya batu hempedu tersangkut boleh mengakibatkan demam dan kekuningan. Di bulan Ramadan banyak gerai gerai yang menjual juadah untuk berbuka dan kadangkala masakan yang tinggi kandungan lemak sering dipasarkan. Masalah ini menyerang orang yang mempunyai batu dalam pundi hempedu tatkala mereka memakan makanan yang tinggi kandungan lemak. Oleh itu pesakit yang mempunyai masalah batu dalam pundi hempedu perlulah berhati hati dalam memilih makanan untuk berbuka.

Kemeriahan Ramadan sering kita lihat di bazar bazar Ramadan yang menjual pelbagai juadah. Namun dalam kemeriahan Rama dan ini perlu masyarakat Islam samada pembeli atau penjual bersikap prihatin tentang kebersihan agar masalah jangkitan atau keracunan makanan dapat dielakkan yang biasanya menyebabkan gejala muntah, sakit perut dan cirit birit.

Dalam bulan Ramadan ini juga masalah sembelit lazim dihadapi terutama golongan kanak-kanak dan warga tua. Ini adalah kerana kekurangan air dan serat dalam makanan kita. Oleh itu masyarakat

harus memastikan air diminum secukupnya dan menambahkan kandungan sayur-sayuran dan buah-buahan semasa berbuka dan bersahur.

Penghidap penyakit kencing manis juga sering menghadapi masalah semasa bulan Ramadan ini. Isu yang sering timbul adalah kekurangan paras gula (*hypoglycaemia*) semasa berpuasa atau berlebihan paras gula (*hyperglycaemia*) semasa berbuka. Isu ini perlu dibincangkan dengan doktor yang merawat agar rawatan yang tepat dapat diberi. Secara amnya jadual pengambilan ubat termasuklah suntikan insulin diselaraskan dengan waktu berbuka dan bersahur. Dos ubat disesuaikan dengan kuantiti makanan. Contohnya sekiranya pesakit makan lebih di waktu berbuka maka dos yang lebih tinggi diperlukan di waktu itu. Pemeriksaan paras gula juga perlu dilakukan di waktu bersahur, berbuka dan pertengahan waktu berpuasa. Dengan cara ini pesakit akan dapat mengesan perubahan tahap gula dalam badan dan tindakan sewajarnya dapat diambil.

Akhir sekali, dalam bulan Ramadan, Allah SWT menjanjikan begitu banyak ganjaran terhadap setiap amalan yang dilakukan. Kita akan lihat umat Islam akan berlumba lumba meningkatkan amalan mereka. Kekurangan makanan, minuman dan rehat boleh melemahkan perjuangan kita dalam beramal. Oleh itu sebagai panduan am, pastikan kita memakan makanan yang sihat dan segar serta minum air secukupnya. Di samping itu, tidur sebentar di waktu tengahari juga dapat membantu mengekalkan kesegaran tubuh badan agar dapat menyempurnakan amalan kita.

Semoga para pembaca mendapat manfaat dari pada sedikit coretan saya dan saya memohon doa kebaikan dunia dan akhirat.





إِذِينَ كَمَا لَوَازِ إِسْلَامِ مَلِيسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## SUAPAN NERAKA

11 JAMADIL AKHIR 1443H / 14 JANUARI 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ  
وَصِفِيهِ وَحَبِيبِهِ مِنْ بَعَثَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ هَادِيًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا بَلَّغَ الرِّسَالَةَ وَأَدَّى  
الْأَمَانَةَ وَنَصَحَ الْأُمَّةَ وَجَاهَدَ فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ فَجَزَاهُ اللَّهُ عَنَّا خَيْرَ مَا جَزَى نَبِيًّا مِنْ  
أَنْبِيَائِهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ  
لَعَلَّكُمْ تَرْحَمُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita dinaungi rahmat dan

kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk: “**Suapan Neraka**”.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan agar kita terus melakukan kawalan sendiri dengan sebaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam, untuk bersegera hadir ke masjid bagi menunaikan Solat Jumaat dan jika tidak boleh Solat Jumaat, janganlah duduk di kedai makan atau seumpamanya. Alangkah baiknya juga jika kedai-kedai dapat ditutup sementara bagi menghormati Solat Jumaat. Moga Allah SWT memurahkan rezeki kerana mengutamakan seruan solat berbanding urusan lain.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Jumu'ah ayat 9:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ  
ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan solat pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)”.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Harta sememangnya ujian Allah SWT ke atas manusia. Islam tidak melarang umatnya dari mendapatkan harta kerana harta juga suatu keperluan dalam kehidupan manusia. Dalam Maqasid Syariah juga, menjaga harta termasuk salah satu daripada lima keutamaan selain menjaga agama, nyawa, akal, dan keturunan. Namun, sebagai Muslim, kita diingatkan supaya sentiasa berwaspada dengan fitnah yang berkait dengan harta.

Islam menyeru manusia mencari rezeki yang halal dan sebaik-baik usaha mencari rezeki itu dilakukan dengan tangan sendiri dan tidak meminta-minta. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا اسْتَعْفَا عَنْ الْمَسْأَلَةِ وَسَعِيَ عَلَىٰ أَهْلِهِ وَتَعَطَّفًا عَلَىٰ جَارِهِ بَعَثَهُ  
 اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَوَجْهَهُ كَالْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ. وَمَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا مَكَاثِرًا مُفَاخِرًا مُرَائِيًا  
 لَقِيَ اللَّهَ تَعَالَىٰ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضَبَانٌ

**Mafhumnya:** “Sesiapa yang mencari dunia yang halal untuk menjauhkan diri dari berminta-minta, dan usaha untuk keluarganya dan untuk baik dengan jirannya, akan dibangkitkan oleh Allah pada hari kiamat dengan mukanya bagaikan bulan purnama, dan sesiapa yang mencari dunia halal untuk memperbanyak, berbangga dan sombong, akan bertemu dengan Allah pada hari kiamat sedang Allah murka padanya”. (Hadis riwayat al-Baihaqi, Ahmad, Ibn Abi Syaibah dan al-Tabarani)

#### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Rasuah merupakan jenayah moral yang telah lama wujud. Rasulullah SAW sendiri telah mengingatkan tentang keharaman rasuah melalui sabda Baginda SAW:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ

**Mafhumnya:** “Rasulullah SAW telah melaknat orang yang memberi rasuah dan menerima rasuah”. (Hadis riwayat Abu Daud dan al-Tirmidzi)

Manakala al-Quran pula menjelaskan tentang larangan memakan harta orang lain secara batil. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَىٰ الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ  
 النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

**Maksudnya:** “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”.

Rasulullah SAW telah mendidik para sahabat secara langsung ketika memimpin negara supaya mengelakkan diri daripada rasuah. Berlaku suatu peristiwa, apabila seorang sahabat RA ditugaskan untuk memungut hasil di salah satu wilayah Islam, sahabat itu berkata: “Wahai Rasulullah! Ini merupakan hasil pungutan yang telah ditugaskan dan ini pula diberi kepada saya”. Apabila keluar memberi ucapan kepada umum, Rasulullah SAW bersabda tanpa menyebut namanya: “Ada kalangan kamu yang ditugaskan, datang kepadaku memberitahu: “Bahawa ini hasil pungutan saya dan ini pula diberi kepada saya”. Adakah sekiranya dia berada di rumah ibu ayahnya tanpa tugas atau jawatan itu akan diberi kepadanya?” Demi Tuhan yang diriku berada dalam genggamannya, harta seperti ini akan dibawa bersama, dipikulnya untuk dibicarakan pada Hari Kiamat nanti”.

Berdasarkan kisah ini, hadiah luar biasa yang diberikan oleh orang tertentu yang memiliki kepentingan, bertujuan sebagai rasuah atau “pendahuluan” kepada rasuah. Ini adalah dilarang kerana pastinya akan mempengaruhi keputusan seseorang yang berjawatan dalam apa-apa urusan.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Allah SWT merakamkan dalam al-Quran bahawa rasuah ini boleh berlaku dalam kalangan semua peringkat, daripada setinggi-tinggi jawatan hingga serendah-rendahnya, termasuk agamawan sejak zaman dahulu. Dalam Surah al-Taubah, Allah SWT berfirman: *“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak antara pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah dan mereka menghalangi (manusia) daripada jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya”*.

Rasuah termasuk dalam salah satu dosa besar yang mendapat laknat Allah SWT sebagaimana yang disebut dalam hadis Rasulullah SAW. Rasuah tetap haram dan tidak menjadi halal hanya dengan diubah namanya. Hal ini kerana sebahagian orang melakukan rasuah tetapi dengan nama lain seperti hadiah, duit kopi, pelincir atau lain-lain lagi jenama moden. Haram tetap haram!

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH.

Ketika ini, rasuah semakin bermaharajalela. Ia bagaikan barah yang cepat merebak dan lebih membimbangkan menjadi amalan warisan dari generasi ke generasi. Ia perlu dicegah dan ditentang dengan bersungguh-sungguh. Implikasinya, rasuah boleh merosakkan seluruh kehidupan manusia, merosakkan pentadbiran, pengurusan, kehakiman, membawa kesan negatif dalam kegiatan politik, ekonomi sehinggalah alam sekitar dan lain-lain.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin mengingatkan bahawa hendaklah kita sentiasa berwaspada dengan penyakit rasuah. Sematkan dalam hati bahawa Allah SWT melihat setiap perbuatan kita sama ada yang terang mahupun yang tersembunyi.

عَلِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَتَعَلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٩٢﴾

**Maksudnya:** “(Allah) Yang mengetahui segala yang tersembunyi dan yang nyata; maka (dengan yang demikian) Maha Tinggilah keadaanNya dari segala yang mereka sekutukan”. (Surah al-Mu’minun ayat 92)

Ingatlah bahawa setiap perbuatan akan mendapat balasan dari Allah SWT. Renungilah firman Allah SWT:

سَمْعُونَ لِلْكَذِبِ أَكْلُونَ لِّلْسِحْتِ فَإِن جَاءُوكَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم أَوْ أَعْرَضْ عَنْهُمْ وَإِن تُعْرَضْ عَنْهُمْ فَلَن يَضُرُّوكَ شَيْئًا وَإِن حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

**Maksudnya:** “Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu kalau mereka datang kepadamu, maka hukumlah antara mereka (dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka; dan kalau engkau berpaling dari mereka maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikitpun; dan jika engkau menghukum maka hukumlah antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil”. (Surah al-Maaidah ayat 42)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ ائِدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكُنَا كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ مَا  
مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو  
حَاجِهٖ عَزِيزَهٗ أَمِينَهٗ مِيمُونَهٗ إِسْكَندَرِيَهٗ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ  
إِسْكَندَرَ الْحَاجِّ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

بِإِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

# 10 AMALAN DIJAUHI NERAKA



Dr. Halim Bin Ismail  
Kulliyah Pendidikan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Terapat beberapa amalan yang dapat menjauhkan diri umat Islam daripada dimasukkan ke dalam neraka yang dahsyat. Berikut adalah 10 amalan yang boleh dilakukan umat Islam bagi mengelakkan diri daripada dimasukkan ke dalam neraka berdasarkan hadis-hadis Nabi SAW:

## 1) MENGESAKAN ALLAH SWT

Sesiapa yang mengucapkan syahadah, maka Allah SWT akan menjauhkannya daripada neraka. Sabda Rasulullah SAW: "Tidak ada seorang hamba yang mengucap *Lailaha illa Allah wa anna Muhammad Rasulullah* dengan penuh ikhlas dan membenarkan dalam hatinya melainkan Allah SWT akan mengharamkan ke atas dirinya neraka," (Riwayat Bukhari dan Muslim).

## 2) AMALAN SOLAT SUNAT EMPAT RAKAAT SEBELUM DAN SESUDAH ZOHOR

Allah SWT akan memelihara seseorang daripada neraka sekiranya dia sering melakukan amalan solat sunat empat rakaat sebelum dan selepas Zohor. Sabda Rasulullah SAW: "Siapa yang memelihara empat rakaat (sunat) sebelum dan selepas Solat

Zohor, nescaya Allah SWT mengharamkannya untuk masuk ke dalam neraka" (Riwayat Abu Daud dan al-Tirmidzi).

## 3) BERJUANG DI JALAN ALLAH SWT

Sesiapa yang berjuang demi agama Allah SWT sehingga berdebu kakinya (dengan penuh kesungguhan), maka Allah SWT akan mengharamkan dirinya daripada dibakar di dalam neraka. Daripada Abu Abbas Abdurrahman bin Jabr RA, dia berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang berdebu kakinya kerana berjuang di jalan Allah, maka Allah akan mengharamkan dirinya daripada neraka." (Riwayat Bukhari).

## 4) SUJUD KEPADA ALLAH SWT DENGAN PENUH PENGHAYATAN DAN KEINSAFAN

Allah SWT akan mengharamkan neraka bagi sesiapa yang solat dengan sempurna terutama ketika sujud. Daripada Abu Hurairah RA, sabda Rasulullah SAW: "Allah mengharamkan neraka dari membakar kesan sujud (atau solat yang sempurna)." (Riwayat Bukhari dan Muslim).



**5) TIDAK MELIHAT PERKARA-PERKARA YANG HARAM**

Sesiapa yang menahan diri daripada melihat perkara-perkara yang haram akan diselamatkan daripada neraka. Sabda Rasulullah SAW: "Tiga mata yang tidak akan melihat neraka Allah SWT: Mata yang berjaga dalam perjuangan di jalan Allah, mata yang menangis kerana takutkan Allah dan mata yang menunduk tidak melihat perkara yang diharamkan oleh Allah".

(Riwayat al-Tabrani).

**6) BERAKHLAK MULIA, BERLEMAH LEMBUT DAN SERING MEMUDAHKAN**

Perbaikilah akhlak kita serta janganlah kita menyakiti yang lain. Hal ini kerana akhlak berupaya menjadi pendinding buat diri kita daripada dibakar di dalam neraka Allah SWT.

Daripada Ibnu Mas'ud, Rasulullah SAW bersabda "Hendakkah kamu aku beritahu perkara yang menyebabkan dirimu diharamkan daripada dibakar oleh neraka? Iaitu setiap orang yang dekat (dengan manusia), lemah lembut, lagi memudahkan."

(Riwayat al-Tirmizi dan Ahmad).

**7 & 8) MENANGIS KERANA TAKUTKAN ALLAH SWT DAN BERJAGA MALAM KERANA BERJUANG DI JALAN ALLAH SWT**

Rasulullah SAW pernah menyebutkan bahawa mata yang menangis kerana takutkan Allah SWT dan mata yang berjaga malam kerana Allah SWT, maka mata-mata ini tidak akan dibakar oleh neraka. Sabda Rasulullah SAW: "Tiga mata yang tidak akan melihat neraka Allah: Mata yang berjaga dalam perjuangan di jalan Allah, mata yang menangis kerana takutkan Allah dan mata yang menunduk tidak melihat perkara yang diharamkan oleh Allah".

(Riwayat al-Tabrani).

**9) BERSABAR DI ATAS KEMATIAN ANAK**

Allah SWT akan mengharamkan neraka buat mereka yang bersabar dan reda di atas kematian anaknya. Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Seorang muslim yang meninggal dunia tiga orang anaknya, maka apabila disentuh oleh api neraka, maka tidak ada baginya kecuali sambil lalu sahaja (tidak disentuh api neraka)."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

**10. MEMBERI MAKAN KEPADA ANAK-ANAK**

Memberi makan kepada anak-anak akan dijauhi daripada azab neraka.

Daripada Aisyah RA berkata: "Telah datang seorang wanita bersama dua anaknya kepadaku untuk meminta sesuatu. Namun aku tidak mempunyai apa-apa selain sebutir kurma lalu aku berikan kepadanya. Wanita itu lalu membelah kurma itu menjadi dua bahagian yang diberikannya untuk kedua anaknya, sedangkan dia tidak memakan sedikitpun. Lalu wanita itu berdiri untuk segera pergi. Ketika itu Nabi SAW datang kepada kami, lalu aku menceritakan peristiwa itu. Maka Baginda SAW bersabda: Siapa yang memberikan sesuatu kepada anak-anak ini, maka ia akan menjadi pelindung baginya daripada api neraka."

(Riwayat Muslim).

Demikianlah antara amalan-amalan yang dititipkan oleh baginda Rasulullah SAW. Semoga kita dikurniakan hidayah dan kekuatan untuk mengamalkan amalan-amalan tersebut secara beristiqamah bagi menjauhkan diri daripada dicampakkan ke dalam neraka Allah SWT yang amat dahsyat.



*Sabda Rasulullah:*




*"Sebaik-baik manusia ialah mereka yang paling baik akhlaknya."*

*(Riwayat At-Tabrani)*

RM10 SAHAJA

# COMBO IHSAN

LICIN STOK



RM30 SAHAJA

# COMBO S.E.J.I.W.A.

SET A 1 PLUS+1



RM50 SAHAJA

# COMBO G.R.E.A.T


EXTRA PLUS+ COMBO

SET B

# COMBO AL-FALAH

DISKAUN 10%

~~RM111.00~~ JIMAT RM11.00  
**RM100.00** (!)




SET A

# COMBO AL-FALAH

DISKAUN 10%

~~RM200.00~~ JIMAT RM20.00  
**RM180.00** (!)



KEDAI BUKU JAKIM



03-8870 7445

#TEAMPENERBITANJAKIM

#DariTintaMembentukJiwa




SET C

# COMBO AL-FALAH

DISKAUN 10%

~~RM111.10~~  
**RM99.99**

JIMAT RM11.11






SET A

# COMBO RAHMAH

DISKAUN 20%

~~RM375.00~~  
**RM300.00**

JIMAT RM75.00





SET B

# COMBO RAHMAH

DISKAUN 20%

~~RM375.00~~ JIMAT RM75.00  
**RM300.00** (!)



# COMBO M.A.D.A.N.I.

DISKAUN 40%

~~RM1,662.00~~ JIMAT RM664.80  
**RM997.20** (!)

